

BERITA Rumah Kita

PERUMAHAN AWAM DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

"Rumah Ku, Syurga Ku"



BIL: 5/2001

ISSN 0128-5912

NASKAH PERCUMA

* SEPT.-OKT. 2001

PARIT INDUK SAN PENG PROJEK PERINTIS

Wan Abdullah Ghani

DBKL membelanjakan hampir RM 3 juta setahun untuk membersihkan sistem saluran khususnya sungai-sungai di kawasan Kuala Lumpur. Ini merupakan satu perbelanjaan yang tinggi. Ia boleh dikurangkan jika kita semua lebih bertanggungjawab bagi menjaga dan membersihkan sungai-sungai.

DBKL tidak seharusnya dibebankan dengan perbelanjaan yang banyak hanya untuk membersihkan sampah-sarap di longkang-longkang dan di sungai-sungai, pada hal sebahagian perbelanjaan itu boleh digunakan untuk melaksanakan projek-projek yang berfaedah kepada warga kota.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff berkata demikian dalam ucapannya ketika melancarkan Projek Kesedaran Kebersihan Sistem Saliran di Parit Induk San Peng baru-baru ini.

"DBKL mempunyai tanggungjawab untuk mengurus dan menyelenggara sistem saluran bandar dan sungai-sungai. Justeru itu, saya memohon kerjasama masyarakat seluruhnya untuk bersama-sama memikul tanggungjawab ini khususnya dari segi pengawalan dan pengurangan pence-maran sisa domestik di kawasan permulaan atau 'at source'," ujar Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff.

Menurut beliau, usaha-usaha untuk menganjurkan kempen-kempen seumpama ini juga merupakan satu tanggungjawab DBKL dalam menyediakan program pendidikan masyarakat atau 'community education'. Program ini akan dijalankan secara berterusan dan akan dilaksanakan sebaik mungkin supaya dapat

menggalakkan perubahan sikap masyarakat kepada yang lebih murni dan positif.

Datuk Bandar menyeru pertubuhan bukan kerajaan dan badan-badan sukarela turut menganjurkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan program 'community education'. Begitu juga dengan media cetak dan elektronik hendaklah turut serta memainkan peranan dengan menyampaikan 'message' melalui akhbar-akhbar, radio dan TV secara berterusan.

Beliau percaya dengan penglibatan dan komitmen secara berterusan daripada warga kota, projek ini akan berhasil



Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff melihat pameran selepas Majlis Pelancaran Projek Kesedaran Kebersihan Sistem Saliran Parit Induk San Peng

mencapai matlamatnya. DBKL akan terus membuat penilaian dari masa ke semasa untuk melihat keberkesanan projek ini dan jika ia berjaya, projek seumpama ini akan diteruskan di kawasan-kawasan dan kumpulan sasaran yang lain.

Menurut beliau, DBKL telah dua kali menganjurkan kempen Cinta Sungai, Parit dan Longkang iaitu pada tahun 1994 dan diikuti tahun 1998. Walau bagaimanapun, dalam kempen yang lalu, kita tidak menetapkan kumpulan sasaran tertentu dan ia ditujukan kepada semua warga kota. DBKL mendapati, hasil kempen sebegini tidak begitu membuahkan hasil, setiap tahun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur masih menghadapi masalah untuk membersihkan dan mengindahkan sungai-sungai.

Justeru itu, dalam kempen kali ini, DBKL akan mengambil pendekatan baru, usaha menjaga kebersihan sungai akan dibuat secara kerjasama antara DBKL dan masyarakat setempat. Kerjasama yang dicadangkan ini selaras dengan konsep ECO-PARTNERSHIP atau kerjasama berekologi. Dengan cara ini, DBKL berharap sebahagian besar masyarakat akan menjadi lebih sedar dan lebih prihatin akan perlunya menjaga kebersihan sistem saluran yang ada.

DBKL memilih sebahagian saluran di Parit Induk Jalan San Peng sepanjang satu kilometer sebagai projek perintis. Ia bermula dari Pasar Pudu hingga ke kawasan parit yang berdekatan dengan Sekolah Menengah Jalan San Peng.



Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff, En. Lee Lam Thye (bertopi) dan pegawai-pegawai DBKL meninjau perangkap sampah di Parit Induk San Peng



TUAN HAJI SALLEH YUSUP
Pengarah
Jabatan Pengurusan Perumahan

Saudara-saudari yang dikasihi,

Selamat menyambut Hari Kebangsaan sempena kemerdekaan negara kita yang kali ke 44. Sesungguhnya, kita bersyukur kepada Allah S.W.T yang telah mengurniakan kita berbagai-bagai nikmat dan kelebihan yang dapat melindungi kita daripada ketakutan dan kelaparan juga dapat mengecapi keamanan, kemakmuran dan keselamatan di bumi bertuah ini.

Kita juga bersyukur kerana dapat mengecapi kehidupan di kota kita ini dalam keadaan aman dan maju serta terhindar daripada masalah dan bencana yang berat. Kita juga dapat mengecapi kehidupan yang berkualiti dengan berbagai kemudahan dan prasarana moden yang disediakan oleh pihak yang bertanggungjawab seperti sistem pengangkutan bandar dan perhubungan jalan raya yang canggih, pembangunan bandar yang tersusun indah, perumahan yang selesa serta alam persekitaran yang bersih dan menarik.

Bagi yang mendiami rumah awam ini, kita harus bersyukur kerana mempunyai persekitaran rumah kita yang bersih dan selesa untuk didiami. Keselesaan ini haruslah dijaga bersama untuk memberi kita satu kehidupan yang lebih baik dan teratur.

Sememangnya konsep keluarga bahagia menjadi sasaran kita bersama. Kebahagiaan keluarga bermula daripada adab sopan dan tatatertib anggota keluarga sama ada bapa, ibu atau anak-anak di dalam rumah. Sikap dan nilai kehidupan yang baik akan membentuk satu institusi kekeluargaan dan masyarakat rumah yang aman dan tenteram. Kehidupan masyarakat rumah yang sejahtera juga akan membentuk kehidupan bandar raya yang gemilang.

Oleh itu, pembentukan anak-anak dan golongan remaja yang gemilang bermula dari segi pendidikan yang didapati secara formal dan tidak formal mengikut acuan yang betul. Pendidikan formal yang diperolehi dari sekolah dapat memberi kejayaan dalam pelajaran dan pendidikan tidak formal adalah melalui pengalaman daripada orang tua serta rakan sebaya akan membentuk sikap dan jati diri yang baik untuk mereka. Kita dapati golongan anak-

Remaja Cemerlang, Bandar Raya Gemilang

anak dan remaja yang berumur antara 18-25 tahun merupakan golongan majoriti iaitu 65.6 peratus atau dua pertiga penduduk perumahan kita. Golongan ini merupakan aset bernilai kerana mereka adalah pewaris yang akan meneruskan kesinambungan pembangunan negara kita.

Program Gaya Hidup Sihat dan Kesejahteraan Remaja yang dilancarkan baru-baru ini untuk memberi kesedaran betapa pembangunan fizikal, kerohanian, sosial serta intelektual perlu dipupuk di kalangan anak-anak kita. Selain itu, program sukan seperti pertandingan bola sepak, bola jaring dan program lain hendaklah diteruskan bagi menggalakkan penyertaan golongan ini.

Malah program kebudayaan seperti pertandingan seni silat, nasyid, dikir barat serta program lain hendaklah dikembangkan bertujuan menyemai semangat cintakan negara dan menghargai warisan kebudayaan kita. Para remaja seterusnya dapat menyertai aktiviti mengikut pilihan dan cita rasa mereka sendiri.

Pelbagai program untuk membentuk remaja yang sihat dalam aspek rohani, fizikal dan mental disediakan bagi memastikan mereka dapat mencapai nilai moral dan sosial yang baik serta terarah ini boleh dibuat melalui program keagamaan seperti Forum Perdana Ehwal Islam, Program Khas Ramadan Pertandingan Nasyid dan Mahabian, Program Bimbingan Pelajar serta aktiviti yang lain.

Badan-badan sukarela (NGO's), penggerak-penggerak masyarakat, serta persatuan penduduk akan terus menyokong dan bekerjasama memastikan penglibatan keluarga, guru-guru dan rakan sebaya dalam aktiviti pencegahan dan pemulihan perilaku para remaja.

Jabatan Pengurusan Perumahan akan terus memberi penekanan terhadap pelaksanaan program pencegahan dan pemulihan ini untuk membendung perlakuan yang tidak diingini di kalangan remaja di kawasan perumahan kita. Bagi tujuan ini, institusi-institusi keagamaan akan digerakkan dan dibantu untuk meningkatkan peranan mereka dalam pelaksanaan program ini.

Usaha bersepadu akan diambil untuk melaksanakan program yang dapat menyumbang pembangunan remaja yang mempunyai nilai positif dan pengetahuan agama yang mencukupi bagi menghindarkan pengaruh negatif menguasai mereka.

Usaha ini akan diperkukuhkan melalui institusi kekeluargaan yang merupakan asas penting bagi pembentukan anak-anak dan remaja yang sihat. Kemahiran keibubapaan, kefahaman sikap remaja serta program menanam nilai mulia akan dijalankan dari masa ke semasa.

Saudara-saudari sekalian, marilah kita bersama-sama mengembelikan tenaga dan usaha kita untuk membentuk keluarga bahagia

demi mencapai matlamat 'Remaja Cemerlang, Bandaraya Gemilang'. Marilah kita bersama-sama menghindarkan sikap buruk kita yang suka menunding jari menyalahkan orang lain apabila kita gagal mencapai tujuan murni tersebut.

Semua pihak perlu memikul tanggungjawab bagi memastikan keluarga kita, jiran tetangga dan masyarakat kita berada dalam keadaan baik dan dihormati oleh semua pihak. Untuk itu, program pembangunan belia dan remaja akan memberi tumpuan kepada pembentukan komuniti belia dan remaja yang berdaya tahan seterusnya dapat memberi sumbangan positif terhadap pembangunan negara dan masyarakat kita.

Sekian, terima kasih.

BERITA RUMAH KITA

Penasihat

Haji Salleh bin Yusup

Ketua Editor

Ramly bin Othman

Editor

Zainuddin bin Md. Zain

Sub Editor

Wan Abdullah bin Wan Abd. Ghani

Wartawan

Ab Wahab bin Omar

Jurufoto

Dolmat Md. Som
Ab Wahab bin Omar

Pembaca Pruf

Azman Hazizi bin Hassanuddin

Pengedaran

Mohd Rushdan bin Mohd Ishak
Tulisan yang tersiar dalam majalah

BERITA RUMAH KITA

tidak semestinya menggambarkan fikiran

Jabatan Pengurusan Perumahan
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Alamatkan surat menyurat kepada:

Editor

BERITA RUMAH KITA

Jabatan Pengurusan Perumahan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

No. 12, Jalan Tuanku Abdul Rahman,

Peti Surat 11022,

50100 Kuala Lumpur

atau hubungi

ENCIK WAN ABDULLAH WAN ABD. GHANI

No. Tel. 03-26938166 samb. 282

Nombor Telefon DBKL

Ibu Pejabat DBKL	- 26916011
Aduan Awam DBKL	- 26934531
Hot Line (24 jam)	- 26911686
Perumahan	26912112
Bhg. Penguatkuasaan Perumahan	- 26938166 samb. 125/126
Pej. Zon 1	- 91734513
Pej. Zon 2	- 92215505
Pej. Zon 3	- 40420340
Pej. Zon 4	- 61899563

Dicetak oleh:

Percetakan Nasional Malaysia Berhad,
Kuala Lumpur

KEMAHIRAN KAUNSELING HADAPI CABARAN



Haji Salleh Yusup menyampaikan amanat sebelum menutup Kursus Kemahiran Kaunseling



En. Ramly Othman (duduk tengah) bersama para peserta Kursus Kemahiran Kaunseling di Port Dickson, N. Sembilan

Seramai 45,000 keluarga atau kira-kira 250,000 orang yang mendiami rumah pangsa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bukannya bilangan yang kecil. Menjelang tahun 2003 penghuni rumah pangsa DBKL dijangka meningkat kepada 80,000 keluarga atau 400,000 orang, iaitu 20 peratus penduduk Kuala Lumpur apabila 35,000 unit siap dan layak diduduki.

Dengan bilangan yang ramai itu sudah pasti pelbagai kerehah dan masalah sosial akan timbul seperti peningkatan vandalisme, jenayah, ideologi politik yang berbeza, krisis keluarga dan jiran tetangga, perebutan petak tempat letak kereta dan motosikal dan sebagainya.

Cabaran dan tanggungjawab yang besar yang harus ditanggung oleh kira-

kira 500 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Pengurusan Perumahan dan perlu bersedia dari segi mental dan fizikal dari sekarang.

Sebagai pentadbiran mengadakan pelbagai kursus untuk pegawai dan kakitangan menghadapi cabaran alaf baru supaya dapat memberi perkhidmatan yang lebih efisien, dinamik, progresif kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Pengurusan Perumahan.

Baru-baru ini seramai 24 orang kakitangan Jabatan Pengurusan Perumahan, iaitu 14 lelaki dan 10 wanita berpeluang menyertai Kursus Kemahiran Kaunseling selama tiga hari di Port Dickson, Negeri Sembilan. Sebelum ini seramai 24 orang kakitangan telah menghadiri Kursus Penyeliaan Yang

Berkesan di Bagang Lalang, Sepang, Selangor.

Kursus anjuran Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan kerjasama Jabatan Pengurusan Perumahan itu dikendalikan oleh penceramah dari Universiti Putra Malaysia, Haji Ali Sheikh Yaakob dengan dibantu oleh Suhaimi Zaman.

Antara tajuk yang dibicarakan ialah Falsafah Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling, Persediaan Diri Sebagai Kaunselor dan Asas Proses Menolong dan Latihan Kes di Tempat Kerja.

Kursus itu dirasmikan oleh Timbalan Pengarah, Encik Ramly Othman dan majlis penutup dilakukan oleh Pengarah, Haji Salleh Yusup.

FORUM PERDANA EHWAL ISLAM



Tuan Haji Salleh Yusup (4 dari kiri) dan tetamu jemputan yang menghadiri Forum Perdana Ehwah Islam di PPR Desa Tun Razak



Penghuni PPR Desa Tun Razak yang hadir dalam Forum Perdana Ehwah Islam bertajuk Erti Kemerdekaan Dalam Kehidupan Ummah